

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN

SATU KAJISELIDIK MENGENAI PENERIMAAN

SKIM AMANAH SAHAM NASIONAL

DI KALANGAN KAKITANGAN BUMIPUTERA

DI JABATAN KERAJAAN

DI BANDAR KLANG SELANGOR

Oleh

MOHAMAD TAHIR ZAINAL

MOHAMMAD SAID MOHD SALLEH

MOHD NOOR JAALAM

SUFFIAN MOHD YUSOF

ZAHALUDIN IBRAHIM

Dikemukakan sebagai sebahagian syarat kelulusan  
untuk Diploma Pengajian Perniagaan. Mei, 1985.

(ix)

PENGHARGAAN

Kami ingin menyampaikan penghargaan kami kepada mereka yang di bawah, kerana kerjasama dan maklumat yang telah diberikan kepada kami dalam menjalankan kajiselidik ini.

- (a) Pejabat Pendaftaran Klang
- (b) Jabatan Telekom Klang
- (c) Ibu Pejabat Polis Daerah Klang
- (d) Mahkamah Rendah Klang
- (e) Jabatan Kerja Raya
- (f) Pejabat Daerah dan Tanah Klang
- (g) Pejabat Pelajaran Daerah Klang
- (h) Encik Mohd Som Haji Omar - Pegawai Pemasaran Amanah Saham Nasional
- (i) Professor Madya Dr Harun Din - Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

Akhir sekali kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penasihat kami, Encik Khairuddin Othman yang telah memberikan panduan dan tunjuk ajar beliau yang tidak ternilai dalam usaha kami menyiapkan kajiselidik ini.

(iii)

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL-JADUAL	(iv)
PRAKATA	(vii)
PENGHARGAAN	(ix)

<u>BAB</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1. PENGENALAN	1
2. LATARBELAKANG DAN RINGKASAN BAHAN-BAHAN YANG BERKAITAN	9
3. METODOLOGI	26
4. PENEMUAN DAN ANALISA	30
5. RUMUSAN DAN PENDAPAT	71
CADANGAN	77
LAMPIRAN-LAMPIRAN	82
BIBLIOGRAFI	101

SENARAI JADUAL-JADUAL

<u>Bil</u>		<u>Muka Surat</u>
1.	Jumlah keuntungan dan kadar pemberian Dividen/Bonus dari 1981 hingga 1984	21
2.	Ringkasan Analisa Demografi Responden	32
3.	Penerimaan Skim ASN mengikut jantina	34
4.	Peratusan mereka yang telah melabur dan yang belum melabur mengikut kategori umur	35
5.	Penerimaan Responden terhadap Skim ASN	36
6.	Penerimaan Skim Amanah Saham Nasional mengikut kategori gaji	38
7.	Kumpulan jawatan yang sudah melabur di dalam Skim Amanah Saham Nasional mengikut kategori Gaji	39

## 1. PENGENALAN

Kerajaan telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula struktur masyarakat. Bagi mencapai matlamat-matlamat ini, kerajaan telah mengadakan berbagai-bagai program.

Bagi matlamat menyusun semula masyarakat, kerajaan telah memberi keutamaan bagi meningkatkan kadar pemilikan ekuiti di kalangan kaum Bumiputera dengan memindahkan kepada Bumiputera ekuiti yang di pegang sebagai amanah oleh agensi kerajaan.

Penyertaan ekuiti bagi tahun 1971 adalah seperti berikut:<sup>1</sup>

o Bumiputera Perseorangan	1.7%
o Agensi-agensi kepentingan Bumiputera	2.6%
o Rakyat Malaysia yang lain	34%
o Bukan rakyat Malaysia	61.7%

Selaras dengan maksud hendak meningkatkan kadar pemilikan ekuiti bagi kaum Bumiputera, kerajaan telah menubuhkan Yayasan Pelaburan Bumiputera, Permodalan Nasional Berhad dan seterusnya pelancaran Skim Amanah Saham Nasional pada 20 April 1981 oleh YAB Dato' Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia ketika itu.

---

<sup>1</sup>Temubual dengan Encik Mohd Som Hj Omar  
Pegawai Pemasaran ASN, Kuala Lumpur di Ibu Pejabat Amanah  
Saham Nasional, Kuala Lumpur bt: